Publication: Berita Harian, Pg 02

Date: 18 September 2018

Headline: Nine new NMPs chosen to join Parliament

Sembilan NMP baru dipilih sertai Parlimen

PENGASAS dan pengarah Roses of Peace (ROP), sebuah pertubuhan bukan mencari un-tung yang mempromosikan pe-mahaman dan dialog silang agama, Encik Abbas Ali Moham-ed Irshad, adalah antara sembilan yang bakal dilantik sebagai Anggota Parlimen Dicalon

(NMP). Presiden dijangka menyerahkan Watikah Pelantikan kepada mereka di Istana pada 26 September ini dan kesemua NMP baru itu dijangka mengangkat sumpah dalam sidang Parlimen akan datang. Semua NMP sekarang telah

menamatkan tempoh khidmat mereka yang berakhir Jumaat

Menerusi ROP, Encik Abbas Ali menganjurkan pelbagai bengkel, forum dan inisiatif, khususnya Program Duta Perdamaian, yang memberi kuasa kepada belia menyebarkan mesej keterangkuman dan ke-harmonian sosial.

Sebagai pengiktirafan usah-anya, Encik Abbas Ali juga dilantik sebagai duta oleh pel-bagai pertubuhan seperti One-People.sg, Reach Singapore dan Jamiyah Singapura.

Seperti Encik Abbas, lapan bakal NMP lain juga aktif dalam bidang masing-masing. Mereka ialah:

- Encik Arasu Duraisamy, seorang aktivis kesatuan seker-

- Encik Douglas Foo Peov Yong, Pengerusi Sakae Hold-ings Ltd dan Presiden Perseku-

tuan Pengilangan Singapura.

– Encik Ho Wee San, Penga rah Urusan Orchestra Cina Singapura (SCO).

- Professor Lim Sun Sun,

Profesor Perhubungan dan Teknologi dan Ketua Kemanu-



ENCIK ABBAS ALI MOHAMED

siaan, Kesenian dan Sains Sosial di Universiti Teknologi dan Rekaan Singapura (SUTD).

 Cik Anthea Ong Lay Theng Anthea, Pengasas/CEO Anagami Pte Ltd, perundingan tanggungjawab sosial korporat, seorang aktivis ke-

masyarakatan.

- Cik Irene Quay Siew Ch-

ing, seorang ahli farmasi.

– Professor Madya Walter Edgar Theseira, Ketua Sarjana Pengurusan (Pengangkutan Bandar) di Sekolah Perniagaan Universiti Sains Sosial Singapura (SMU).

- Cik Yip Pin Xiu, seorang atlit kebangsaan keperluan khas dan perenang yang me-

wakili Singapura.

Dalam satu kenyataan semalam, Speaker Parlimen, Encik Tan Chuan-Jin, yang mempengerusikan Jawatankuasa Khas Pilihan yang memilih NMP, menyatakan sembilan calon itu memenuhi semua kriteria dan keperluan perlem-

bagaan. "Kami juga yakin bahawa individu-individu yang penuh semangat dan komited ini akan mewakili pandangan masyarakat yang mereka wakili, dengan itu memperluas dan memperdalam perspektif yang dikongsi dalam perbahasan Parlimen," katanya. Ketua Dewan, Cik Grace

Fu, berkata sembilan NMP itu mempunyai kelayakan baik dalam bidang masing-masing, dan mempunyai minat mendalam dalam pelbagai isu.

"Sebagai satu kumpulan, mereka menambah kepelbagaian kepakaran dan pengalaman dalam Dewan.

"Kita akan mempunyai ahli farmasi, atlit para, pemimpin sektor seni tradisional dan seorang aktivis keharmonian antara agama," kata beliau.